

Citra Budaya JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كبودايان دان كسنيان نكارا

ISSN 2462-1285 BIL 2 / 2015

NASKHAH
PERCUMA

Throughout
time

every face
tells a story



MALAYSIAN
INTERNATIONAL
MASK
FESTIVAL

13th - 16th August 2015

Plaza KLCC Park,
Kuala Lumpur

malaysia.gov.my / www.jkkn.gov.my



ISSN 2462-1285



9 772462 128004

CORETAN EDITOR

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana kita masih diberi kesempatan untuk meneruskan usaha memartabatkan seni budaya dengan idea serta fikiran yang bernas dan mantap ke arah negara maju. Di dalam usaha kita memartabatkan seni budaya yang penuh dengan keindahan dan kehalusan budi, kita tidak perlu terikut-ikut dengan rentak pihak tidak bertanggungjawab yang memanipulasi media sosial di alam maya dengan paparan dan gejala negatif yang melanda masyarakat hari ini.



Seni dan budaya yang melingkungi keseluruhan kehidupan sesuatu masyarakat seharusnya sentiasa disanjung di dalam semua aktiviti harian kita tanpa mengira di dalam media mana sekalipun..

Semoga peristiwa-peristiwa yang telah berlaku samaada sengaja atau tidak sengaja akan dijadikan iktibar. Janganlah menang sorak, tetapi kampung kita tergedai.

Oleh : **MOHD ZIN MOHD SAHID**
Editor

[SIDANG EDITORIAL]

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

YBhg. Datuk Norliza Rofli
Ketua Pengarah

YBrs. Mohamad Razy Mohd Nor
Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor Dasar dan Perancangan)

YBrs. Hj. Mesran Mohd. Yusop
Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

Editor
• Mohd Zin Mohd Sahid

Penolong Editor
• Zuriah Mohamad

SIDANG EDITORIAL

- Penulis**
- Mohd Zin Mohd Sahid
 - Zuriah Mohamad
 - Muhammad Haqkam Hariri
 - Ismarizal Zulamran
 - Muhammad Faizal Ruslee
 - Bafti Hera Abu Bakar
 - Siti Anisah Abdul Rahman
 - Fauziah Ahmad

Pereka Grafik/Kreatif
• Bafti Hera Abu Bakar

Jurufoto

- Zaman Sulieman

SIDANG REDAKSI

- Unit Komunikasi Korporat
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Cawangan Pentadbiran
- Cawangan Sumber Manusia
- Cawangan Kewangan
- Bahagian Pengembangan Seni Budaya
- Bahagian Bimbingan Seni Budaya
- Bahagian Pembangunan Produksi & Artistik (Acara)
- Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
- Bahagian Dasar dan Penyelidikan
- Cawangan Perancangan dan Penyelarasan Dasar
- Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
- Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya (Industri Kreatif)
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri-Negeri

PENYELARAS PENGEDARAN BULETIN

- Muhammad Haqkam Hariri
- Muhammad Faizal Ruslee
- Badrul Hisham Mujib
- Muhammad Ridhwan Azme

Terbitan : Citra Budaya Secara Suku Tahunan

[ISI KANDUNGAN]

Tinta Ketua Pengarah	1
Siri Semarak Bangsawan 2015	2
Aktiviti <i>Team Building</i> 2015	3
Bengkel Teater	4
IFTAR@KL	5
<i>Mask Festival</i>	8
Perhimpunan Bulanan JKKN	11
Panggung Seni Tradisional 2015	13
Sambutan Hari Kebangsaan 2015	15
ASEAN 26	17
Warisan Pantun Merentasi Bangsa	19
Belayar Sambil Menikmati Hidangan Kesenian	21
Bazar Seni Pulau Pinang	23
Peserta Kem Sukarelawan Sarawak Jadi Tetamu Ketua Menteri	24
Bicara Seni Siri 1/ 2015	26
Kata Serupa	28
Ayuhlah Bangsaku!	29
Sebilah Keris, Secebis Maruah	30
Air Mata Disember	31
Pelarian Rohingnya : Contoh Klasik Persona Non Grata	35
Tips Kesihatan Mengikut Sunnah Rasulullah SAW	37
Pantun Dalam Teks Ucapan	38
Terbitan Terbaru - Kategori Buku	40
Terbitan Terbaru - CD/DVD	41
Kategori Buku	42
Kategori CD/DVD	43

Tinta

KETUA PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam IMalaysia,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dipertemukan lagi dalam edisi Citra Budaya kali ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua yang sentiasa bersama dan menyokong aspirasi kami untuk memartabatkan seni budaya Negara di mata dunia.

Seni tidak pernah bersifat prejudis. Semua orang layak memberi tafsiran tersendiri dan melaluinya, ruang bagai terbuka untuk diteroka. Pada era transformasi ini, kemakmuran sesebuah negara bukan sekadar diukur daripada pencapaian ekonomi, sebaliknya bangsa maju didefinisikan dari setiap unit populasi seimbang yang tidak mengetepikan elemen rohaniah termasuk seni.

Kepelbagaian kaum di Malaysia sudah lama menjadi simbol kekuatan negara. Integrasi antara kaum jika diperhatikan turut terbias pada seni budaya yang diperturunkan zaman ke zaman. Asimilasi seni melalui penyatuan pelbagai elemen dalam persembahan kesenian Melayu, India dan Cina misalnya, membentuk keunikan tersendiri dan terus menjadi tarikan hingga ke hari ini.

Umum telah mengetahui, pelbagai program dan aktiviti telah kami sajikan seawal tahun 2015 sehingga hari ini. Ia termasuklah penganjuran program bertaraf antarabangsa, program yang melibatkan negara-negara Asean serta program berskala besar di peringkat kebangsaan selain 1,242 aktiviti Jabatan termasuklah pelaksanaan program MyFest 2015. Kami di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara tidak pernah berhenti berusaha tanpa mengenal jerih payah dalam usaha memartabatkan seni dan budaya Negara. "Bagai air mencari jenisnya", itulah yang boleh digambarkan bagi sebuah Jabatan yang serba produktif dan kreatif seiring dengan tugas hakiki yang serba mencabar.

Datuk Norliza Rofli

KETUA PENGARAH

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara



Siri Semarak BANGSAWAN 2015

Majlis pelancaran program Semarak Bangsawan 2015 telah diadakan pada 11 April 2015 bertempat di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Majlis telah disempurnakan secara bersama oleh Yang Berusaha Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop, Timbalan Ketua Pengarah (Kebudayaan dan Kesenian) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara bersama-sama YBhg. Datuk Hj. Mohd Najib bin Mohd, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tanggal 10 hingga 12 April 2015, telah berlangsungnya pementasan Bangsawan Raja Ku Puteh oleh Persatuan Geliga Merah Opera, karya dan arahan YM Raja Azrey Raja Kamaruzzaman yang menjadi pembuka tirai bagi Siri Semarak Bangsawan 2015 yang membariskan gabungan pelakon popular tanahair dan penggiat teater tempatan seperti Lokman Harmin, Puteri Laila, Wan Raja, Wan Wala, Bocil Sayho, Vicha Sayho, Along Sweetchild, Shazli Ekzos, Saleem Iklim dan lain-lain.

Mengenengahkan elemen komedi, Bangsawan Raja Ku Puteh mengisahkan tentang Raja Engku Puteh yang merupakan pemerintah di Negara Cempura Emas yang sangat disukai oleh rakyatnya. Baginda berkulit hitam, namun Raja Engku Puteh tidak pernah merasa terganggu. Walaubagaimanapun penyakit sawan yang dihidapinya menjadikan baginda sering binggung. Suatu petang, ketika sedang tidur Raja Engku Puteh telah didatangi ayahandanya dalam mimpi dan memberitahu penyakitnya itu disebabkan oleh sumpahan Pawang Rendra yang disingkirkan oleh ayahandanya satu tika dahulu. Bagi mengubati penyakitnya, maka bermulalah pengembaraan baginda untuk mencari Pawang Rendra.

Siri Semarak Bangsawan 2015 akan terus disemarakkan di pentas Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga hujung tahun 2015. Pementasan Bangsawan yang akan menyusul seterusnya ialah Bangsawan Awang Kudis Buta karya Milyana Hj. Arshad arahan Nazri Ahmad yang akan diadakan pada 8 hingga 10 Mei 2015, diikuti Bangsawan Kota Lukut karya Kala Dewata olahan dan arahan Kamarul AR pada 12 hingga 14 Jun 2015, Bangsawan Nila Kesuma karya Haji Hamid Ahmad olahan dan arahan Zulkifle Abdul Majid pada 14 hingga 16 Ogos 2015, Bangsawan Anak Raja Anak Papa karya dan arahan Lenny Erwan pada 9 hingga 11 Oktober 2015, Bangsawan Sumpahan Nujum Perawan karya dan arahan Roydy Rokidy pada 13 hingga 15 November 2015 serta Bangsawan Dewa Satria Lestari karya dan arahan Adira Wahinnur pada 11 hingga 13 Disember 2015.

Oleh : **SHAHRIZAL ABDAN**

Bahagian Pengembangan
Seni Budaya

AKTIVITI TEAM BUILDING 2015

PEGAWAI JKKN IBU PEJABAT

Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah menganjurkan Kursus *Team Building* bagi pegawai-pegawai di Ibu Pejabat pada 27 hingga 28 Mei 2015 bertempat di Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat, Selangor. Program ini bertujuan meningkatkan kualiti kerja para pegawai dan objektif utama kursus ini adalah untuk membentuk kumpulan kakitangan yang dinamik dan efektif serta dapat bekerja secara berpasukan bagi merealisasikan visi dan misi organisasi.

Seramai 79 orang pegawai telah terlibat dalam kursus *team building* ini. Mereka dilatih dengan melakukan pelbagai aktiviti *indoor* dan *outdoor* yang dapat membangkitkan semangat setiakawan dan kerjasama yang tinggi di kalangan mereka. Pihak Pengurusan Nur Lembah Pangsun telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan program ini.

Program ini direka bentuk dengan menggabungkan elemen motivasi, pembentukan kumpulan setiakawan, gerak kerja berpasukan dan latihan berbentuk fizikal. Antara aktiviti-aktiviti berkumpulan yang peserta perlu tempuhi adalah *water confidence*, *treasure hunt* dan berakit. Program ini turut diserikan dengan makan malam barbeku dan sesi perjumpaan bersama Pengurusan Tertinggi JKKN iaitu Ketua Pengarah, YBhg. Datuk Norliza Rofli, Timbalan Ketua

Pengarah (Dasar & Perancangan), Encik Mohamad Razy bin Mohamad Nor dan Timbalan Ketua Pengarah (Kebudayaan & Kesenian), Haji Mesran bin Mohd Yusop.

Kesemua aktiviti dan modul yang direka adalah untuk memantapkan lagi kualiti diri peserta terutamanya ketika bekerjasama di dalam sesebuah kumpulan. Selain daripada membina jati diri, potensi diri, semangat berpasukan dan membentuk pasukan yang dinamik, program ini juga direka bagi mengurangkan tekanan di tempat kerja di samping memberi keseronokan dan pengalaman baharu kepada peserta dan turut dapat mengeratkan silaturrahim di antara mereka.

Oleh: **RIZUANI ABD RAHMAN**
Bahagian Khidmat
Pengurusan



BENGKEL Teater

“Saya nak berlakon.. Boleh?”

7 hingga 9 April 2015, bertempat di Hotel J A Residence Johor Bahru, Persatuan PUSPANITA dengan kerjasama JKKN Johor telah menganjurkan Kursus dan Bengkel Teater hasil cetusan idea bersama oleh YBhg Datin Hajah Zubaidah binti Haron, Ketua Biro Sosial Dan Sukan dan YBr Encik Abdul Hamid Bin Haji Muhammad, Pengarah JKKN Johor dengan penglibatan 50 Ahli Persatuan PUSPANITA Negeri Johor. Kursus telah dirasmikan oleh Puan Hajah Ropiah Binti Jantan selaku Timbalan Pengerusi 1, Biro Sosial Dan Sukan PUSPANITA.

Terdapat empat (4) genre teater iaitu Teater Realisme, Teater Kanak-Kanak, Teater Bangsawan dan Teater Monolog yang dijadikan modul teras dalam kursus kali ini. Kursus dan bengkel teater adalah di bawah pimpinan



tenaga pengajar yang berpengalaman luas dalam bidang teater iaitu Encik Baharuddin Baharin Bin Ramli dengan dibantu oleh Puan Siti Mariam binti Zulkifly, Encik Muhammad Hanaafi bin Mad Saman dan Encik Zainudin Bin Salleh.

Oleh : **RAHMAT BIN HJ. DAMIRI**
JKKN Johor





2015

Bangunan

Sultan Abdul Samad

Iftar@KL 2015 adalah pelaksanaan program bagi tahun keempat yang dilaksanakan sempena Festival Malaysia (MYFEST 2015) dan merupakan kesinambungan daripada program Festival Ramadan yang telah dilaksanakan selama tiga tahun (2012-2014) oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Ianya bertujuan untuk mengimarahkan bulan ramadan, menyemarakkan kebudayaan dan kesenian Islam kepada pelancong tempatan dan antarabangsa serta mengeratkan silaturrahim pelbagai kaum melalui program dan aktiviti.

Majlis perasmian program Iftar@KL telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Haji Ahmad Phesal Bin Haji Talib, Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama YBhg. Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada 20 Jun 2015, jam 6.30 petang, manakala program Pelita Malam Likur@Dataran Merdeka yang



yang dilaksanakan pada minggu terakhir program iaitu 11 Julai 2015 telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

Iftar@KL adalah program kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan rakan penganjur Tourism Malaysia, Islamic Tourism Centre, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Masjid Jamek Kampong Bharu. Program ini telah mendapat penajaan daripada Takaful Ikhlas, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Nescafe, F&N, Yeo's, Chriszen, Julie's, Mavellous, Gamat Emas Sdn Bhd, Pusta Pungutan Zakat (PPZ) dan pengurusan acara oleh Rabbani Productions Sdn. Bhd.





Program yang berkonsepkan majlis terbuka puasa berskala besar yang diadakan pada setiap hujung minggu (Sabtu dan Ahad) di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, Kuala Lumpur, turut membawakan khas Dr. Hussam Nojoom Abdul Rahman, Imam daripada Mekah bagi mengimamkan solat Isyak dan Terawih yang dilaksanakan pada 4 Julai 2015.

Aktiviti-aktiviti yang turut diadakan bagi mengimarahkan lagi Iftar@KL, ialah Tazkirah ramadan yang menampilkan penceramah-penceramah seperti Datuk Ustaz Kazim Elias, Dato' Dr. Haji Mohd Fadzillah Kamsah, Dato' Ustazah Siti Nur Bahyah Mahmood, Ustaz Haryanto Rizal Rokman, Ustaz Haslin Baharim, Ustaz Ghazali Ibrahim, Ustaz Zul Ramli, penceramah daripada JAKIM, aktiviti tadarus al-quran oleh Maahad Tahfiz daripada Kuala Lumpur dan Selangor, solat Maghrib, Isyak dan Terawih secara berjemaah. Manakala aktiviti sampingan pula adalah demonstrasi memasak

bubur lambuk oleh Masjid Jamek Kampung Bharu, pameran pelancongan Islam, pertandingan nasyid, persembahan nasyid oleh kumpulan Rabbani, Saujana, Raihan, Yasin, Brothers, Far East, Dua dan Nowseeheart. Selain itu Malam Kesenian Islam menampilkan artis seperti M.Nasir, Ramli Sarip, Mawi, Dali Filsuf, Hafiz Hamidun, Raja Zulkarnain, Kumpulan Rabbani, Al-Mawlid, Hijjaz, UNIC, Munsyeed Berselawat, Imam Muda Asyraf, Opick dan Kumpulan Debu daripada Indonesia serta diakhiri dengan jamuan moreh.

Oleh: **AMIRULAZAM BIN IBRAHIM**
Bahagian Pengembangan
Seni Budaya



Mask FESTIVAL

PROGRAM FESTIVAL TOPENG ANTARABANGSA MALAYSIA



Festival Topeng Antarabangsa Malaysia (Malaysia *International Mask Festival*) 2015 merupakan program yang julung kali diadakan di Malaysia. Festival yang diangkat sebagai *signature event* sempena Program Malaysia *Year of Festival (MyFest)* 2015 ini telah berlangsung pada 13 hingga 16 Ogos di Esplanade, Taman KLCC, Kuala Lumpur.

Festival yang melibatkan penyertaan seramai 458 peserta yang terdiri daripada peserta negara-negara luar seperti Indonesia, Filipina, Thailand, Sri Lanka, Republik Korea, Republik Rakyat China serta Malaysia (Kumpulan Mah Meri, Kumpulan Kim Giak Low Choong - Opera Cina, Kumpulan AKRAB – Mek Mulung dan Romli Mahmud – Awang Batil) sendiri selaku tuan rumah ini diadakan untuk :

- Memberikan pendedahan tentang sosio budaya masyarakat tempatan dan luar negara berkaitan pemakaian topeng;
- Memperlihatkan keunikan budaya topeng berdasarkan motif, corak, reka bentuk, perwatakan serta fungsi dan peranan dalam sesebuah pementasan dan persembahan;
- Mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan budaya yang kaya dengan pelbagai khazanah kesenian; dan
- Mengangkat sebuah kesenian unik yang masih kekal dibudayakan dalam kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Pengisian festival terdiri daripada lima komponen utama iaitu :

- Malam Gala, 13 Ogos 2015, Esplanade, Taman KLCC, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YB Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YBhg Tan Sri Dr Ong Hong Peng, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), YBhg Datuk Rashidi Hasbullah serta Pengarah-Pengarah JKKN Negeri-Negeri. Malam Gala menyajikan persembahan-persembahan berkonsepkan topeng yang menarik dan meriah dari semua peserta tempatan dan luar negara.



- Perarakan Topeng, 14 Ogos 2015. Program yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, YBhg Datuk Haji Ab. Ghaffar bin A.Tambi bersama Ketua Pengarah JKKN, YBhg Datuk Norliza Rofli ini memilih MaTic sebagai lokasi permulaan dengan melibatkan laluan di Jalan Ampang, Jalan Sultan Ismail, Jalan P.Ramlee dan berakhir di Suria KLCC. Perarakan yang berlangsung dengan meriah ini melibatkan seramai 437 peserta dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pelancong tempatan dan luar negara yang berada di sepanjang laluan berkenaan;

- Persembahan negara, 15 dan 16 Ogos, Esplanade, Taman KLCC, Kuala Lumpur. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs Dr Junaida Lee Abdullah merupakan tetamu kenamaan sempena Malam Kemuncak yang berlangsung pada 16 Ogos 2015;

- Persembahan sisipan (pocket show), 12 hingga 15 Ogos telah diadakan di tiga lokasi iaitu NU Sentral, Central Market dan Sungei Wang Plaza. Persembahan ini melibatkan negara luar dan kumpulan dari Malaysia yang terdiri daripada Kumpulan Mah Meri, Kumpulan Kim Giak Low Choong - Opera Cina, Kumpulan

AKRAB – Mek Mulung dan Romli Mahmud – Awang Batil). Ia mendapat sambutan menggalakkan dari pengunjung-pengunjung premis berkenaan yang tidak melepaskan peluang bergambar dengan kumpulan-kumpulan yang terlibat; dan

- Pameran dan demonstrasi, 14 – 16 Ogos, Esplanade, Taman KLCC, Kuala Lumpur yang turut disertai oleh Jabatan Muzium Malaysia, Istana Budaya, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Sekolah Seni Johor melibatkan aktiviti pameran dan demonstrasi topeng seperti tatarias wajah (*face painting*), tatarias topeng (*mask painting*), ukiran topeng (*mask carving*), lukisan topi keledar (*helmet painting*) dan pertandingan tatarias topeng.

Oleh: **SALMIYAH BT AHMAD**
Bahagian Penyelidikan
dan Pembangunan





Tun H.S. Lee, KUALA LUMPUR, 16 Jun 2015 – Perhimpunan Bulanan JKKN Ibu Pejabat bagi bulan Jun 2015 telah diadakan di JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). YBhg Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN dalam ucapannya merakam ucapan terima kasih di atas kehadiran semua warga JKKN Ibu Pejabat, JKKN WPKL, JKKN Selangor dan JKKN Negeri Sembilan ke majlis ini yang dijadikan sebagai medan menyampaikan amanat, pesanan, nasihat serta berita terkini/semasa. Ucapan penghargaan, terima kasih dan tahniah juga turut dirakamkan kepada pegawai-pegawai yang telah dan akan bersara, yang dinaikkan pangkat, yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 serta ucapan selamat datang kepada pegawai-pegawai baharu.

PERHIMPUNAN BULANAN JKKN



○Bhg. Datuk KP turut menyentuh beberapa perkara berkaitan pencapaian, komitmen tinggi dan kejayaan capaian KPI 2014 yang melebihi sasaran, pematuhan kepada arahan dan peraturan semasa sebagai penjawat awam serta mengenai Transformasi Perkhidmatan Awam.

Di akhir majlis, YBhg. Datuk KP mengucapkan Selamat Menyambut bulan Ramadhan kepada kakitangan yang beragama Islam serta mengingatkan agar semua kakitangan bersikap telus dalam melaksanakan tanggungjawab mereka supaya nama baik JKKN terus dipertahankan dan dihormati.

Oleh: **AISHAH HJ JANTAN**
Cawangan Pentadbiran





Panggung Seni Tradisional 2015

Panggung Seni Tradisional 2015 (PST2015) kembali menemui khalayak kota metropolitan Kuala Lumpur. Masuk tahun ketiga penganjurannya oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) melalui Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). PST2015 menampilkan beberapa persembahan tradisional yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Sebelum ini JKKN mempersembahkan enam (6) genre kesenian pada tahun 2013 dan lapan (8) pada tahun 2014. Tahun ini, tujuh (7) genre kesenian telah terpilih untuk ditampilkan iaitu Dondang Sayang, Dramatari Klasik India, Teater Tradisional Makyong, Ghazal Party, Main Puteri, Opera Cina dan Koleksi Tari Klasik Malaysia.

Membuka tirai PST2015 ialah Dondang Sayang yang telah diadakan pada 27 dan 28 Mac 2015; bertemakan "*An Evening With Dondang Sayang*" menampilkan kombo muzik Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan beberapa penyanyi undangan. Antaranya ialah tokoh Dondang Sayang Melaka, Pak Abas Katan dan Ibu Alimah Daud; bintang kecil yang begitu menyerlah dengan lagu tradisi negeri Melaka ini iaitu pasangan adik Afif dan Bihah serta penampilan istimewa Naib Johan Pertandingan Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2006, Siti Halijah Dolah @ Ali.

Seterusnya pada 24 dan 25 April 2015, Persatuan Tarian Klasik India, Sungai Petani, Kedah pula mempersembahkan Dramatari Klasik India yang bertajuk "Andal". Persembahan yang mengambil masa selama 75 minit ini telah dijayakan oleh seramai 30 orang pelakon dan penari. Menariknya,

persatuan ini merupakan penerima Geran Seni dan Budaya, Petronas yang menjadi rakan kerjasama JKKN dalam penganjuran program PST2015 ini. Selain daripada persatuan ini, Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan dan Persatuan Karyawan Pulau Pinang turut menerima geran yang sama.

Tanggal 29 dan 30 Mei 2015, Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan atau lebih dikenali sebagai PESIBAN pula mengambil tempat membuat persembahan Teater Tradisional Mak Yung dengan kisah bertajuk "Gading Bertimang". Persembahan berdurasi lebih dua (2) jam ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peminat teater tempatan khususnya para penuntut Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Menampilkan nama-nama besar Mak Yung seperti Ikon Mak Yung Negara - Rosnan Rahman, tokoh Mak Yung Kelantan - Rahimah Zakaria @ Mek Imah, generasi muda pelapis Makyong - Ismadian Ismail, Nur Liyana; satu-satunya pemain rebab wanita di Malaysia yang memegang watak sebagai Puteri Gading Bertimang, aktivis teater terkenal Asrulfaizal Kamaruzzaman, pemain rebab tersohor Che Mat Jusoh atau lebih dikenali sebagai Raja Rebab dan artis muda yang sedang meningkat naik; Fazliesham @ Isey Titan.

Seterusnya, program PST2015 ini berhenti berehat sementara bagi memberi laluan pada bulan Ramadan dan Syawal; dan kembali semula dengan membawakan Persatuan Karyawan Pulau Pinang (KARYAWAN) dengan persembahan Ghazal Party. Persembahan yang berlangsung pada 28 & 29 Ogos 2015 ini juga telah mendapat sambutan yang

menggalakkan daripada warga kota. Menampilkan artis dan penyanyi undangan iaitu Man Belon Raja Lawak, Fairuz Selamat (Q-Face), Noor Intan Ishak (Naib Johan Bintang Irama Malaysia 2007) dan adik Darling Shah (Idola Kecil 5).



Bagi para peminat kesenian tradisional tanah air, JKKN mengalu-alukan sokongan semua dalam memartabatkan seni budaya bangsa ini. Jadi, untuk menyaksikan persembahan PST2015, para peminat sekalian bolehlah membeli tiket-tiket berharga RM25 dan RM55 yang dijual secara dalam talian di <http://redtix.airasia.com/Events/TraditionalArtsShowcase2015/> atau terus ke Kaunter Tiket Box Office di Istana Budaya; juga boleh hubungi 03-2614 8200 samb.8214/8260 untuk pertanyaan. Potongan harga sebanyak 50% diberikan kepada para pelajar, warga emas dan OKU. Tiket-tiket juga boleh didapati di premis seperti berikut:

PST2015 akan diteruskan dengan tiga (3) lagi persembahan iaitu Main Puteri yang bakal dipersembahkan oleh Kelab Kesenian dan Kebudayaan Kg. Pulau Tebu, Kelantan pada 18 dan 19 September 2015. Seterusnya Opera Cina pada 30 & 31 Oktober 2015 yang menampilkan Persatuan Opera Cina Kim Giak Low Choon, Pulau Pinang dan sebagai penutup tirai, Koleksi Tari Klasik Malaysia mengambil tempat pada 20 & 21 November 2015. Beberapa kumpulan terlibat dalam persembahan penutup tirai ini antaranya Artistana Istana Budaya, Pertubuhan Warisan Seni Tari dan Muzik Melayu (MAWARKU), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kumpulan Kesenian JKKN Ibu Pejabat dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Turut serta ialah penerima Geran Seni dan Budaya Petronas iaitu Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor, Kumpulan KESUMA, Universiti Malaya dan Awang Batil; Pak Romli Mahmud.

Rock Corner, The Gardens, Mid Valley
(Tel: 03-2201 489303-2201 4893)
Rock Corner, Subang Parade
(Tel: 03-5613 113903-5613 1139)
Rock Corner, The Curve
(Tel: 03-7733 113903-7733 1139)
Rock Corner, Bangsar Village
(Tel: 03-2202 113903-2202 1139)
Victoria Music, Sungei Wang
(Tel: 03-2148 720803-2148 7208)
Victoria Music, Amcorp Mall
(Tel: 03-7956 059203-7956 0592)
Victoria Music, Tropicana
(Tel: 03-7722 295503-7722 2955)
Artist Gallery, Gurney Plaza
(Tel: 04-641 182004-641 1820)
Artist Gallery, Queensbay Mall
(Tel: 04-228 089604-228 0896)

Oleh: **MOHAMAD SAFRAN NAWI**
Cawangan Penyelidikan
dan Pembangunan







Sambutan Hari Kebangsaan 2015



**MAJLIS
MAKAN MALAM
SEMPENA
SIDANG KEMUNCAK
ASEAN KE 26**

26 April 2015
Ahad 8.30 malam
di Grand Ballroom,
Kuala Lumpur
Convention Centre
(KLCC).




**MAJLIS
KEBUDAYAAN
SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN SIDANG
KEMUNCAK ASEAN KE 26**

27 April 2015
Ahad 9.00 pagi
di Plenary Hall,
Kuala Lumpur
Convention Centre
(KLCC).



**26th ASEAN SUMMIT
OPENING CEREMONY**
Kuala Lumpur, Malaysia 27 April 2015



**MAJLIS MAKAN MALAM
SEMPENA MESYUARAT
MENTERI-MENTERI LUAR**

ASEAN KE 48

5 Ogos 2015 (Rabu)

8.30 malam

di Dewan Merdeka,

Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC)



WARISAN PANTUN, MERENTASI BANGSA.

Budaya berpantun telah lama menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya apabila melibatkan adat dan upacara tertentu. Menariknya kini, kaum lain turut menunjukkan minat menguasai kemahiran berpantun yang terkenal dengan keunikan dan keindahan bahasanya. Nalini a/p Sinniah, 29, membuktikan bahawa perbezaan bangsa dan budaya bukanlah penghalang untuk beliau merangkul gelaran Pemantun Terbaik dalam Pertandingan Akhir Pesta Pantun Antara Jabatan Kerajaan Peringkat Negeri Pulau Pinang anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pulau Pinang dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Penulis Negeri Pulau Pinang bertempat di Auditorium P.Ramlee, JKKN Pulau Pinang baru-baru ini. Beliau yang mewakili Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang membawa pulang wang tunai RM200, piala dan sijil penyertaan. "Saya memang amat meminati pantun sejak di bangku sekolah lagi. Penggunaan bahasa pantun yang indah dan puitis membuatkan saya terus jatuh hati dan berazam untuk mempelajari budaya berpantun di samping mendapat dorongan yang kuat dari rakan-rakan sekerja.



Saya tidak menjangka akan menang pada malam ini kerana pemantun-pemantun lain pun hebat-hebat belaka", ujarnya.

Sementara itu, Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang terus membuktikan keunggulannya berada dalam kelasnya tersendiri apabila berjaya mengekalkan kejuaraan bagi kali ketiga berturut-turut. Kemenangan pada tahun ini membolehkan mereka membawa pulang dan menyimpan Piala Pusingan yang menjadi idaman semua jabatan dan agensi kerajaan yang bertanding pada tahun ini. Jabatan Imigresen yang turut membariskan pemantun Wan Noor Hayati Ali, 37; Noor Hasyati Yahaya, 32; dan Zam Rafliza Ishak, 33 (simpanan) memenangi wang tunai RM2,500, piala dan sijil penyertaan. Jabatan Tenaga Manusia Negeri Pulau Pinang yang pertama kali layak ke peringkat akhir sejak pertandingan ini diadakan tiga tahun lalu berpuas hati mendapat tempat kedua.

Mereka yang diwakili oleh Mahfuzah Abd Jalil, 39; Nor Akmal Rizal Mansor 36; Noraila Md Nor, 37 dan Fadzilah Fadzil, 45 (simpanan) membawa pulang wang tunai RM1,000, piala dan sijil penyertaan. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang dengan hadiah wang tunai RM800, piala dan sijil penyertaan. Manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai mendapat tempat keempat dengan hadiah wang tunai RM700, piala dan sijil penyertaan.

Sebanyak 12 jabatan telah bertanding pada tahun ini iaitu Jabatan Penyiaran Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang, Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, Jabatan Tenaga Manusia Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam dan Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (ICU). Hadiah-hadiah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Turut hadir YABhg. Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Sharif, Encik Rosli bin Osman, Pengarah Bahagian Pengembangan Seni Budaya, JKKN dan Encik Mohd Rizal bin Ismail, Pengarah JKKN Pulau Pinang. Pertandingan yang bertemakan suasana alam kayangan itu dipengerusikan oleh Encik Mohd Rizal bin Mohd Hamdan dan penjaga masa, Cik Nurul Shahidah binti Jamaludin. Sementara menantikan keputusan pertandingan, penonton dihiburkan dengan persembahan kesenian oleh Kumpulan Kesenian JKKN Pulau Pinang. Sebelum itu, Tuan Yang Terutama Tun, berkenan menyempurnakan acara perasmian Galeri Seni Budaya JKKN Pulau Pinang di foyer Auditorium P.Ramlee.



Oleh: **SHALIZA BINTI HASSAN**
JKKN Pulau Pinang

BELAYAR SAMBIL MENIKMATI

SUDUT BERITA

Hidangan Kesenian..



KUCHING : Bersempena dengan sambutan 'MyFEST 2015', JKKN Sarawak membuka tirai persembahan kebudayaan bersama para pelancong tempatan dan luar negara menyusuri sungai Sarawak melalui program kerjasama JKKN Sarawak dan Layar Warisan, 'Sarawak Culture Performance At River Cruise 2015'.

Program yang disemarakkan dengan aktiviti seni budaya melalui persembahan tarian dan permainan alat muzik tradisional, merupakan satu usaha untuk melestarikan budaya melalui persembahan kebudayaan seperti tarian 'Ngajat Lesung' dari suku kaum Iban, tarian 'Sigar Birami' masyarakat Bidayuh, 'Kipas Cina' dan 'Nopeng', sebagai penjana pendapatan industri pelancongan di negeri bumi kenyalang.



Perjalanan kapal *Equatorial* yang memakan masa satu jam tiga puluh minit dikemudikan oleh Kapten Dahlan bin Aldin, 54, dengan dibantu oleh Mohd Yatim bin Hashim, 62, berlayar menyusuri sungai Sarawak dengan melintasi mercu-mercu tanda di pesisir bandaraya Kuching seperti Kompleks DUN, Astana, Brooke Dockyard, Masjid Negeri, Muzium Cina, Fort Margherita, Pasar Basah Petanak, Jambatan Tun Salahuddin, rumah Kediaman Ketua Menteri Sarawak serta perkampungan masyarakat Melayu Sarawak.

Sarawak River Cruise turut menyediakan pakej makan malam dan aktiviti korporat melalui pakej-pakej seperti *Seamen*, *Sailor* dan *Captain*. Hidangan yang disediakan adalah berasaskan citarasa masakan tempatan dan barat. Tiket bayaran *Sarawak River Cruise* adalah berjumlah RM60.00 untuk pelancong luar negara,

RM45.00 bagi pelancong tempatan dan RM20.00 hingga RM30.00 untuk para pelajar mengikut syarat yang ditetapkan. Kaunter jualan tiket mula beroperasi jam 10.00 pagi hingga 5.20 petang setiap hari di Tebingan Sungai Kuching. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi talian 082-240 366, 013-803 7237 atau melalui email srcinbox@gmail.com.

Oleh: **HASSANAL REDZUAN**
JKKN Sarawak





BAZAR SENI Pulau Pinang

23 Mei 2015 (Sabtu), Bazar Seni Bil. 3, 2015 anjuran JKKN Pulau Pinang telah dilaksanakan di perkarangan Kompleks Pustaka Warisan Seni, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pulau Pinang.

Pelbagai acara dan pengisian yang meliputi jualan dan pameran produk seni budaya seperti pencungkilan bakat nyanyian lagu-lagu slow rock 90-an, Bengkel solekan anjuran Giat MARA dan KRT Kg. Makam, Senam Mega 1Malaysia, Pertandingan Peragaan Pakaian Peragam Kanak-kanak anjuran bersama Tadika KEMAS dan Tadika Perpaduan serta persembahan boria oleh Kumpulan Boria Kepala Batas, telah diketengahkan dalam usaha menarik kehadiran pengunjung ke tapak bazar. Pelbagai hadiah lumayan dan menarik telah disediakan untuk pemenang setiap pertandingan.

Oleh: **MOHD RIZAL HAMDAN**
JKKN Pulau Pinang

Peserta Kem Sukarelawan Sarawak Jadi Tetamu Ketua Menteri...



17 hingga 18 April, Kem Permai Santubong, KUCHING: 40 Orang Sukarelawan Budaya yang menyertai Kem Sukarelawan Budaya : NBOS 1Voluntourism Culture & Heritage menyahut saranan Ketua Menteri Sarawak untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab mereka dalam menyebarkan warisan bumi kenyalang melalui pelbagai medium seperti media sosial dan aktiviti kebudayaan. Para peserta Kem Sukarelawan Budaya : NBOS 1Voluntourism Culture & Heritage anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sarawak dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Negeri Sarawak berkesempatan membuat kunjungan mesra dan bersua muka dengan YAB Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem, Ketua Menteri Sarawak. Melibatkan penglibatan sukarelawan budaya melalui

program-program seumpama ini, Ketua Menteri Sarawak berharap agar generasi Y lebih banyak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah disamping berusaha menyemarakkan warisan seni budaya masing-masing.

Kem Sukarelawan Budaya dilaksanakan bertujuan untuk melatih dan memantapkan sukarelawan sedia ada di samping memupuk dan meningkatkan daya kreativiti peserta dengan melaksanakan pelbagai pengisian seperti bengkel, ceramah, *explorerace* tempur seni, Senam Seni 1Malaysia dan sembang santai.


Mantan pengarah JKKN Sarawak, Encik Salehuddin Md Salleh menjelaskan, program sukarelawan budaya seperti itu dapat membuka ruang kepada para peserta untuk menilai sejauh mana sumbangan mereka menyemarakkan aktiviti seni dan

budaya di negeri ini, agar sedar tentang tanggungjawab terhadap masyarakat melalui sumbangan mereka dalam acara-acarakesenian. Sarawak mempunyai budaya yang unik dan tersendiri justeru itu melalui acara-acara sebegini dapat memupuk semangat kekitaan dan jati diri dalam usaha menyebarkan pengetahuan tentang nilai-nilai budaya di negeri ini.

Manakala program *1Voluntourism* pula merupakan salah satu inisiatif strategi Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* untuk bersama-sama berganding bahu memastikan kebersihan dan keindahan kawasan-kawasan pelancongan di negeri ini.

Terdapat lima(5) program utama di bawah inisiatif *1 Malaysia Voluntourism* iaitu *1Malaysia Green 1malaysia Clean (1MG1MC)*, *1 Malaysia Voluntutoring*, *1 Malaysia Volunsharing*, *1 Malaysia Event* dan *1 Malaysia Culture and Heritage*.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Politik Ketua Menteri Encik Abdullah Saidol, dengan disaksikan oleh Encik Salehuddin Md Salleh, mantan pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sarawak dan Marahaini binti Marikan, Penolong Pengarah, MOTAC Sarawak.



Oleh: **HASSANAL REDZUAN**
JKKN Sarawak

BICARA SENI

Siri
1/2015

“JENAYAH REALITI KEBEJATAN BUDAYA”


Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan telah menganjurkan Program Bicara Seni pada 20 Mei 2015 bertempat di Dewan Zaaba Fakuliti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM). Penceramah jemputan bagi program ini ialah YBrs Encik Kamal Affandi Hashim. Tajuk ceramah yang disampaikan ialah “Jenayah Realiti Kebejatan Budaya”. Saudara Hisham Salleh dari RTM bertindak selaku moderator bagi program ini.

Program Bicara Seni Siri 1/2015 ini mendapat kerjasama yang erat dari Jabatan Bahasa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM Serdang. Program ini telah dihadiri oleh 250 peserta yang terdiri daripada penuntut UPM, warga Jabatan/agensi KPK serta pegawai dan kakitangan JKKN. Menurut Dr Norazlina Mohd Kiram iaitu Ketua Jabatan Bahasa Melayu UPM. Program ini merupakan aktiviti yang penting dan sesuai dilaksanakan di IPTA/IPTS kerana ianya berfungsi sebagai medium keilmuan dalam membentuk penghayatan dan menambahbaik pemahaman masyarakat terhadap seni budaya. Malah pengisian program ini jelas amat sinonim dengan kehidupan penuntut-penuntut IPT yang majoritinya terdiri



daripada generasi muda yang masih mencari identiti diri. Penyampaian cenderamata telah disampaikan oleh YBrs TKP (DP), Encik Mohd Razy Mohd Nor, turut hadir ialah Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikas UPM Prof Dr Muati @ Zamri Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan Encik Rodzuan Ismail serta pensyarah-pensyarah UPM serta Pegawai dan kakitangan JKKN ibu Pejabat.

Oleh: **AHMAD ZAIMY MOHD YUSOF**
Cawangan Penyelidikan dan
Pembangunan



KATA SERUPA

- Menenun** : Membuat kain daripada benang, kapas, sutera dan lain-lain
- Menjahit** : Melekatkan sesuatu dengan menggunakan jarum dan benang.
- Menganyam** : Mengatur atau menyusun sesuatu dengan bersilang-silang.
- Menekat** : Membuat tekat, iaitu jahitan yang berbunga-bunga sebagai perhiasan pada kain.
- Merenda** : Menjahit pita yang berkerawang-kerawang atau berbunga-bunga dan dijadikan perhiasan sarung bantal atau lain-lain.
- Menampi** : Membersihkan beras (padi, kacang dan lain-lain) dengan nyiru yang digerak-gerakkan.
- Membanting** : Memukulkan batang-batang padi pada dinding kepek supaya padi itu terpisah dari batangnya dan terkumpul di dalam kepek.
- Mengetam** : Menuai atau memotong padi dengan menggunakan ani-ani (pisau pemotong padi) dan lain-lain.
- Mengirik** : Memijak-mijak padi untuk meleraikan buah daripada tangkainya.
- Mengangin** : Menumpah-numpahkan padi daripada nyiru supaya hampas ditiup angin dan terpisah daripada padi yang berisi.
- Menjinjing** : Membawa sesuatu dengan tangan terhulur ke bawah.
- Mengandar** : Membawa barang dengan kandar.
- Menatang** : Membawa sesuatu di atas tapak tangan
- Memikul** : Membawa barang atas bahu.
- Menjunjung** : Membawa sesuatu di atas kepala.

Oleh: **SITI ANISAH ABDUL RAHMAN**
Cawangan Dokumentasi
dan Penerbitan

AYUHLAH BANGSAKU!

Ayuhlah bangsaku...
Kita menuju ke era baru
Bermuafakat, bersatu
Gembelangkan tenagamu
Biar barisan menjadi satu.

Tidak mahu dikeji dihina
Dikata Melayu kelas tiga;
Tidak mahu dicaci cerca
Dikata Melayu mudah lupa.

Bukan sekadar terus bersorak
Bukan mahu menang bertepuk
Bukan juga kuat berpuak
Bukan pula selalu mengganggu
Bukan hanya mengiya mengutuk
Ah! Jangan sesekali kita dipijak.

Tidak mahu bangsaku punah
Kerana angkara najis dadah;
Tidak mahu bangsaku dijajah
Kerana sikap kita berpecah;
Tidak mahu bangsaku dipersalahkan
Kerana ambil sikap tidak kisah;
Tidak mahu malaysiaku rebah
Kerana pemimpin gadaikan maruah;

Ayuhlah bangsaku...
Panjatkan doa kepada yang esa
Satukan nekad, hajat yang ada
Pantang Melayu, menderhaka raja
Tidak tercapai tanduk, telinga dipulas
jua
Jangan sesekali biarkan petualang
bangsa
Menghujani fitnah, mengadu domba
Perjuangan kita pasti takkan sia-sia.

Terima kasih, tuhan!
Aku akan terus berjuang
Terima kasih, tuhan!
Kau berikan nikmat kewanan.

Oleh: **AZAHA HJ. OTHMAN**
JKKN Terengganu



PUISI.....

SEBILAH KERIS SERIBU WAJAH

Keris
Sebilah keris
Seribu wajah, sejuta gerak
Serimbun hasrat

Keris
Tiada apa-apa tanpa sarungnya
Tiada apa-apa tanpa tajam
matanya
Tiada apa-apa tanpa ulunya
Tiada apa-apa tanpa luknya
Juga tiada apa-apa tanpa
hebat pemain nya

Keris..yang bersarung itu
Adalah maruah sebuah bangsa
Nyawa bumi tercinta
Jantung Melayu terpuja

Keris senjata mulia Melayu terpuja
Hilang Melayu tanpa keris dijulang
Hilang adat tanpa keris disandang
Hilang maruah bila keris direndah

Mari kita baca sejarah Tuah
Kerana keris Tuah menang
dengan Taming Sari
Kerana keris Tuah diangkat
laksmana negeri
Kerana keris Jebat rebah di dada
bumi
Pengorbanan maha suci
Ditukar menjadi api

Keris yang sempurna
Bukan sekadar tajam
Bukan sekadar luk
la segalanya

Oleh: JAAFAR RANI
JKKN Terengganu



AIR MATA DISEMBER

Langkawi di bulan Disember, langit hitam lalu menitikkan derai butir-butir air jatuh berjujuran membasahi tiap ruang Pekan Kuah. Anak-anak kecil lari mencari teduh. Kaki-kaki payung mulai terbuka menghias suasana. Hiruk pikuk kenderaan sekali sekala memecah sunyi. Langkawi pulau yang penuh dengan sejarah, mitos dan legenda. Disinilah lahirnya Mahsuri yang jelita sehingga dicemburui oleh Wan Mahura. Kisah Mahsuri yang dituduh bermukah dengan Deramang dan dihukum bunuh ketika suaminya Wan Derus dititah pergi berperang mahsyur sehingga kini.

Pagi itu dia bangun agak lambat, usai mengerjakan solat subuh dia kembali menyambung tidur. Keletihan perjalanan semalam membuatkan dia tidur agak lama. Detak jam dinding mengejutkan dia saat matahari sudah tinggi, namun cuaca mendung menyuramkan suasana. Dia tiba di Jeti Kuala Perlis setelah mengharungi perjalanan yang panjang dari Kota Kuala Lumpur. Lewat petang meneruskan perjalanan dalam perut feri yang sarat dengan manusia menyeberang gelora lautan ke Pulau Langkawi. Di jendela, deruan angin sesekali bertiup membelah tubuh nipisnya. Setelah lama di situ, dia menarik jendela menutupi ruang-ruang tembus cahaya. Mundar-mandir kembali ke katil biliknya yang bergelimpangan. Punggungnya dihempas di atas katil empuk sambil tangannya mencapai alat kawalan jauh tv. Siaran tv terpancar dan dia meletakkan kembali alat kawalan jauh tv itu di meja sisi. Matanya merenung tajam ke arah peti televisyen yang sedang menyiarkan berita mengenai kejadian jenayah meragut nyawa pengawal di sebuah bank. Kepalanya digeleng-geleng tanda seolah-olah tidak berpuas hati dengan kadar jenayah yang saban hari semakin menjadi-jadi. Hujan di luar menambahkan kedinginan hingga menusuk ke tulang-tulang hitamnya. Dia perlu memanaskan badan seketika. Lantas bangun menghayun langkah mendapatkan cerek elektrik dan memanaskan air. Setelah mendidih, kopi pekat dibancuh serentak itu aroma kopi menyelinap di segenap ruang bilik hotel. Secangkir kopi dihirup sedikit demi sedikit sambil matanya terus merenung peti televisyen. Kesejukan tadi mulai beransur kurang dek kepanasan air kopi yang mengalir ke tubuhnya.

Dia perlu segera menyiapkan diri kerana janji temunya dengan Yati sudah hampir tiba. Tuala putih berlipat elok di bilik mandi diambilnya lantas daun pintu bilik mandi ditutup rapat. Selesai mandi dia cepat-cepat menyarung seluar jeans lusuh yang tergantung di almari. Beg berwarna hitam di sisi katil dibukanya, sehelai t shirt putih ditarik perlahan. Selesai menyisir rambut dan mengenakan sedikit haruman di badan dia segera memakai kasut. Pintu bilik dikuak dan langkah dihayun keluar dari bilik sempit itu. Lif di hujung bangunan itu ditekan untuk turun ke bawah. Sampai di bawah dia lantas mengatur langkah ke pondok bas. Sepasang kekasih sedang berbual mesra di kerusi paling hujung. Sama juga seperti dia, mereka juga sedang menantikan pengangkutan awam ke destinasi berbeza. Sekali sekala terdengar hilai tawa dari mereka. Sedikit rasa benci terpalit di sudut kecil hatinya. Bukannya dia cemburu, tetapi dia juga menginginkan sebuah kebahagiaan yang sedang dikecapi

mereka. Namun sehingga kini dia belum beroleh. Tapi dia yakin suatu hari nanti dia juga akan punyai kekasih hati seperti si lelaki itu. Dia tidak perlu memikirkan semua itu kerana sekarang adalah masa baginya untuk mengejar cita-cita menjadi seorang usahawan berjaya. Sudah lama dia hidup dalam kesusahan kerana dia tidak punya kerja tetap. Dia hanya bekerja di sebuah restoran milik pakciknyanya. Gajinya dibayar hari, sekiranya dia tidak datang bekerja maka hari itu tiada gaji baginya. Disinilah dia menimba pengalaman sedikit demi sedikit. Mungkin dia juga dapat membuka sebuah restoran seperti pakciknyanya di masa hadapan. Ya, kejayaan tidak akan datang segera, kejayaan biasanya akan datang kemudian. Dihujungnya dia yakin dia akan berjaya jua.

Sebuah demi sebuah teksi yang lalu ditahannya, namun semuanya sudah penuh. Musim cuti sekolah menjadikan Pulau Langkawi begitu sibuk sekali. Ramai keluarga yang datang bercuti sambil membeli belah di pulau legenda ini. Inilah masa sesuai bagi keluarga yang mempunyai anak bersekolah untuk beriadah bersama. Sudah hampir satu jam dia di pondok itu, dia merenung jam di tangannya ketika itu telah menunjukkan 1.30 petang menghampiri janji temunya dengan Yati jam 2.00 petang.

“Arghhh... kenapa susah sangat nak mendapatkan teksi di sini...” Getus hati kecilnya. Dia keluar sedikit daripada pondok bas tempat berteduh. Sebuah teksi berwarna biru perlahan menuju ke arahnya. Segera dia melambai-lambai tangan. Kelihatan signal berkelip-kelip dan teksi itu perlahan berhenti menghampiri dia.

“Nak pi mana encik?” soal pemandu teksi itu kepadanya setelah cermin tingkap disorot ke bawah.

“Saya nak ke Padang Mat Sirat.”

“Boleh... mai naik teksi ni.” Jawab pemandu teksi itu dalam loghat utara.

Sedikit kelegaan dihatinya kerana dapat juga dia sampai ke tempat yang dijanjikan bersama antara dia dan Yati. Lama sudah dia tidak bertemu Yati, gadis berkulit putih berasal dari Pulau Langkawi ini merupakan rakannya sewaktu sama-sama mereka menuntut di sebuah kolej di utara tanah air dahulu. Yati seorang peramah dan periang. Selesai pengajian, mereka masing-masing membawa haluan sendiri. Dia pulang ke Kuala Lumpur dan bekerja dengan pakciknyanya, manakala Yati pula menetap di Pulau Langkawi dan bekerja di sebuah hotel. Sebagai seorang kawan, mereka sering juga berhubung melalui khidmat pesanan ringkas untuk bertanya khabar. Lain pula bagi dia, di satu sisi yang lain dia seperti sudah jatuh hati dengan Yati. Tetapi dia tidak berani meluahkan isi hatinya kerana dia tahu bahawa Yati mungkin tidak akan dapat menerimanya lebih daripada sebagai seorang kawan.

Enjin teksi menderam menuju ke destinasi. Sekali sekala dia menoleh kiri dan kanan melihat panorama indah Pulau Langkawi.

“Jauh lagi ke pakcik?” Dia seperti tidak sabar ingin bertemu Yati.

“Tak jauh dah dik, lebih kurang lima minit lagi sampai la.” Jawab pemandu teksi itu.

Dia berharap agar Yati masih lagi seperti Yati dahulu yang dia kenal. Banyak

juga kenangan pahit dan manis mereka berdua mengharungi perit getir sebagai mahasiswa.

Setelah melalui perjalanan selama 20 minit, akhirnya sampai ke destinasi dituju. Dia melangkah keluar dari teksi setelah membayar tambang. Dari jauh kelihatan Yati sedang duduk berseorangan sambil tangannya ligat mengakses telefon bimbit. Dia melangkah menuju ke arah Yati dan menghulurkan salam. Yati membalas dengan sedikit senyuman.

“Yati dah lama sampai?”

“Baru ja.” Jawab Yati ringkas.

“Lama kita tak jumpa, Yati sihat?”

“Sihat, Alhamdulillah.” Yati hanya membalas pendek.

Riak wajah Yati kelihatan semacam ada sesuatu yang ingin disampaikan. Dia hanya menantikan dengan penuh sabar. Yati yang dia kenal dahulu agak periang kini seolah-olah bertukar menjadi pendiam dan seperti tidak menyenangkannya. Hairan juga melihat tingkah laku Yati pada hari itu.

“Awak tak nak makan ke Yati?” Soal dia sambil memesan air daripada pelayan restoran.

“Saya dah makan tadi, Kalau awak nak makan order lah,” Yati menjawab pertanyaan dia.

“Saya pun dah makan tadi.” Jawab dia.

Hasratnya untuk makan bersama tidak kesampaian dek kerana Yati tidak mahu makan ketika itu. Dia terpaksa membohongi dirinya bahawa dia juga telah makan, walhal perutnya tika itu sedang galak berkeroncong akibat kelaparan. Ya kelaparan itu adalah satu bentuk ekstrem daripada nafsu makan normal dan kelaparan tidak pernah berbohong.

“Berapa hari awak cuti?” Soal dia.

Tidak sempat menjawab, deringan telefon Yati memecah suasana. Wajah Yati berubah tatkala matanya menatap skrin telefon bimbitnya. Yati mematikan panggilan telefon itu. Selang beberapa minit, telefon itu kembali berdering. Yati bingkas bangun bersama telefon itu menuju ke ruang tepi restoran. Dia menjawab telefon itu. Percakapan Yati langsung tidak kedengaran olehnya kerana jarak yang agak jauh. Hanya sekali sekala hilai tawa Yati mengiringi angin kearahnya. Agak lama Yati berbual di telefon. Dia seperti penunggu setia yang menantikan seseorang. Membisu di meja sambil menghirup sisa-sisa air minuman yang tertinggal. Selesai berbual di telefon, Yati kembali di meja.

“Maafkan saya Wan sebab buat awak menunggu lama.” Yati kembali menyambung bicara.

“Saya ok aja Yati.”

“Wan... sebenarnya ada sesuatu yang ingin saya beritahu awak ari ni.” Sambung

Yati.

“Ada apa Yati?” Dia cuba mendapatkan kepastian.

“Wan, saya telahpun berkahwin. Tujuan saya jumpa awak ari ni sebab nak beritahu awak tentang perkara ini.” Yati memperjelaskan persoalan tadi.

Jawapan dari Yati membuatkan jantung dia berdegup kencang. Langit cerah menyelubung alam kini bertukar hitam bergulung-gulung seolah mahu menerjah dan menghempas dirinya. Dia terdiam seketika, tiada kata yang mampu diucapkan. Perasaan cintanya kepada Yati yang dipendam sekian lama ranap di Pulau Langkawi. Sukar baginya menerima kenyataan yang amat pedih itu. Tapi apakah daya, Yati sudah milik orang. Dia pasrah dengan ketentuannya.

“Kami berkahwin di sempadan Wan” sambung Yati.

“Kenapa sampai berkahwin di sempadan Yati?” Wan menyoal.

“Perkahwinan ini dilakukan tanpa pengetahuan kedua orang tua kami Wan.” Yati memperjelaskan persoalan yang masih berbuku di dada dia.

“Walau pun telah berkahwin, tetapi kami tidak tinggal bersama Wan.”

“Kenapa pula tidak tinggal bersama?”

“Yati baru tahu yang sebenarnya Yati isteri ketiga Wan, perkahwinan yang dibina hanya sekadar kahwin dan kami seperti bukan suami isteri. Yati digantung begitu sahaja dan dipedulikan oleh suami.”

“Bersabarlah Yati, mungkin itu adalah ketentuan dalam hidup Yati.” Balas Wan pendek.

Setelah lama mereka di restoran itu, Yati memohon untuk pulang ke rumah. Beg tangannya dijinjing mengiringi langkahannya keluar dari restoran itu. Semakin lama langkah Yati semakin hilang dari pandangan. Kelopak matanya kian digenangi air. Lama-kelamaan titis air itu tidak dapat dibendung lagi, ia mengalir mengiringi langkah pulangnya.

Oleh: **SHAHRIZAL ABDAN**
Bahagian Pengembangan
Seni Budaya

PELARIAN ROHINGYA: CONTOH KLASIK PERSONA NON GRATA

Gambar ehsan – Associated Press

Kaum Rohingya merupakan mangsa perdagangan orang yang telah dibawa masuk oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kehadiran dan kemasukan mereka ke Malaysia dalam jumlah yang tinggi melalui pintu masuk di Pulau Langkawi, telah menimbulkan perasaan bimbang dan cemas di kalangan masyarakat Malaysia. Kaum Rohingya telah ditempatkan di kem sementara memandangkan negara Myanmar enggan menerima mereka semula. Ternyata isu yang tidak dirancang ini menjadi satu beban pada negara.

Permasalahan yang dihadapi ini tidak boleh dinafikan lagi khususnya dalam soal yang bersangkutan paut dengan kumpulan gelandangan yang tinggal di jalanan, sekitar kawasan bandar khususnya di kawasan Lembah Klang.

Majoriti daripada mereka terdiri daripada pendatang tanpa izin (mahupun pendatang dengan izin – tetapi kerana faktor tertentu telah menjadi gelandangan kerana tiada pekerjaan yang boleh ditawarkan kepada mereka) dan ironinya, terdapat juga rakyat Malaysia (yang tidak

mempunyai tempat tinggal mahupun kerja) yang turut menjadi faktor kepada jumlah peningkatan gelandangan.

Kehadiran masyarakat Rohingya ke Malaysia, sedikit sebanyak turut menyumbang kepada ketidak seimbangan sosial yang sedang dihadapi sekarang dari aspek jumlah kepadatan penduduk di sesetengah kawasan, khususnya di kawasan bandar.

Namun demikian, kita tidak mahu menganggap kehadiran mereka seolah menjadi *the brown man's burden* (meminjam istilah *the white man's burden* dari karya penyair Rudyard Kipling) dan mendatangkan masalah. Seharusnya sebagai masyarakat yang prihatin dan bertamadun kita perlu melakukan sesuatu dalam memastikan kebajikan mereka terpelihara.

Untuk memahami situasi yang dihadapi oleh kaum Rohingya, kita perlu melihat sejenak tentang sejarah kaum tersebut sehingga dilihat sebagai dihalau keluar oleh puak pelampau Buddhist. Masyarakat Rohingya terdiri daripada

kumpulan minoriti di Myanmar dengan jumlah hanya sekitar 800,000 orang dari jumlah keseluruhan populasi penduduk di Myanmar, iaitu sebanyak 53.2 juta orang. Mereka dianggap sebagai kumpulan Islam minoriti di kalangan majoriti penganut agama Buddha dan kebanyakannya menetap di negeri Rakhine (dahulunya dikenali sebagai Arakan), di kawasan pantai timur Myanmar. Mereka mempunyai sejarah kewujudan yang cukup lama di Myanmar, namun kerajaan Myanmar tetap dengan pendirian untuk tidak mengiktiraf masyarakat Rohingya sebagai warganegara Myanmar. Mengikut sejarah, masyarakat Islam Rohingya dikatakan berasal dari Bengal atau sekarang lebih dikenali sebagai Bangladesh.

Sejak beberapa tahun yang lepas, kumpulan pelampau etnik yang terdiri daripada masyarakat Myanmar beragama Buddha mempunyai hubungan yang agak tegang dengan masyarakat Rohingya. Ketegangan tersebut turut menimbulkan beberapa pergaduhan yang mengakibatkan kehilangan nyawa kedua pihak. Rentetan demi rentetan kejadian yang berlaku telah sedikit sebanyak mencetuskan rusuhan di kalangan penduduk Rakhine yang beragama Buddha dan Islam yang mengakibatkan kematian hampir 200 orang dan beribu yang lain hilang tempat tinggal. Konflik tersebut bermula apabila seorang

wanita muda Rakhine yang beragama Buddha, dikatakan telah dirogol sebelum dibunuh oleh suspek dari kalangan masyarakat Islam Rohingya.

Mac 2013, satu kejadian salah faham yang berlaku di sebuah kedai emas di Meiktila di bahagian tengah Myanmar telah membawa kepada pergaduhan besar antara masyarakat beragama Buddha dan Islam yang mengakibatkan kematian hampir 40 orang.

Berbalik kepada kehadiran mereka ke Malaysia, ia merupakan satu masalah yang jika tidak ditangani dengan bijak ianya akan membawa imej negatif buat Malaysia seolah negara ini dijadikan hub pemerdagangan manusia, dan beberapa masalah lain mungkin akan timbul, khususnya di dalam aspek kebajikan, pemerhatian serta penumpuan kerajaan kepada rakyat Malaysia sendiri.

Oleh yang demikian, setiap usaha yang dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut haruslah dibuat dengan bijak supaya ianya kelak tidak mendatangkan masalah berbangkit buat kita semua. Hakikatnya, masyarakat Islam Rohingya adalah kumpulan persona non grata.

Oleh: **HESMEL FAZNEE FAISAL**
Bahagian Pembangunan
Produk Seni Budaya



Tips Kesihatan Mengikut Sunnah Rasulullah SAW

- 1 Mandi pagi sebelum subuh atau sekurang-kurangnya sejam sebelum matahari naik. Air sejuk yang meresap ke dalam badan boleh mengurangkan lemak yang terkumpul.
- 2 Rasulullah SAW mengamalkan minum segelas air sejuk (bukan air ais) setiap pagi. Mujarabnya InsyaAllah jauh dari penyakit.
- 3 Waktu sembahyang subuh disunatkan kita bertafakur (iaitu sujud sekurang-kurangnya seminit selepas membaca doa). Ia boleh mengelakkan dari sakit pening atau migrain.
- 4 Nabi menegah kita makan ikan bersama ayam. Dikhuatiri akan cepat mendapat penyakit. Dalam kitab juga ada melarang kita makan makanan darat bercampur dengan makanan laut.
- 5 Nabi juga mengajar kita untuk makan dengan menggunakan tangan kanan dan menjilat sedikit jari setelah selesai makan. Ini kerana terdapat banyak enzim di celah jari yang membantu untuk pencernaan makan di dalam perut kita.

Oleh: FAUZIAH AHMAD
Cawangan Dokumentasi
dan Penerbitan

**PANTUN
DALAM
TEKS
UCAPAN:
PELENGKAP
KEPADA
SEBUAH
ACARA.**

Ucapan alu-aluan, ucapan Perasmian atau penungguhan sering menjadi pengisian utama dalam ucapan-ucapan rasmi. Namun, pantun sering menjadi ungkapan pemula dalam sesuatu ucapan yang disampaikan dalam acara-acara rasmi. Pantun kebiasaannya menjadi bicara pemanis yang diselitkan sama ada di mukadimah, pertengahan atau penutup ucapan.

Pantun merupakan manifestasi keintelektualan orang-orang Melayu yang memaparkan keindahan bahasa dengan pelbagai metafora bagi memberi bayangan dan maksud yang ingin disampaikan. Mantan Menteri Kebudayaan iaitu YBhg Tan Sri Rais Yatim sering mengungkapkan beberapa pantun yang mengandungi unsur-unsur pengajaran, pembelajaran serta nasihat bernas sebelum meneruskan ucapannya.

Sebagai khalayak yang mendengar pantun yang diungkapkan dalam ucapan-ucapan, seharusnya kita perlu memahami dan menghayati setiap baris ayatnya kerana di dalamnya terselit makna yang relevan dengan

Sirih berlipat sirih pinang,
Sirih dari Pulau Mutiara,
Pemanis kata selamat datang
Awal bismillah pembuka kata.

Terbang burung dari selatan,
Dipuput angin sangga bayu,
Bukalah surat dari lipatan
Lihatlah pantun bahasa Melayu.

Minta daun diberi daun
Dalam daun ada bidara,
Minta pantun diberi pantun,
Dalam pantun ada bicara.

Muhammad Haji Salleh (USM)

Apa guna orang bertenun
Untuk membuat kain dan baju
Apa guna orang berpantun
Untuk menimba berbagai ilmu

Kalau orang berlabuh pukat
Carilah pancang kayu berdaun
Kalau kurang mengetahui adat
Carilah orang tahu berpantun

Tenas Effendy-Buku Pantun Nasehat.

penyampaian ucapannya. Hakikatnya, inilah peringatan dan ilmu yang ingin dikongsikan oleh tokoh intelektual sipenutur pantun.

Namun kini, adakah ungkapan pantun yang dituturkan dalam acara-acara rasmi hanya sekadar pelengkap dan penyeri kepada acara sahaja tanpa ingin menjelaskan maksud tersurat dan tersiratnya. Pantun yang terungkap nyata tidak relevan dengan kandungan penyampaian ucapan.

Setiap pantun yang tercipta itu seharusnya mengandungi erti tersirat dan tersurat yang mampu menjadikan pantun sebagai medium penyampai maklumat. Menurut Tenas Effendy yang dicatatkan oleh

Mahyudin Al Mudra, 'pantun Melayu merupakan tunjuk ajar yang didalamnya terdapat nilai-nilai luhur agama, budaya, dan norma-norma yang dianut masyarakat dan penyampaian nilai-nilai tersebut mempunyai variasi seperti lelucon, sindiran, nyanyian, dan sebagainya'.

Muhammad Haji Salleh (USM) pula menyatakan bahawa 'pantun hadir di antara manusia Nusantara sebagai sebuah taman terindah bahasa, yang selalu dikunjungi mereka. Bunga-bunganya juga berwarna warni, dan wangiannya tanpa bandingan. Bunga-bunga ini disimpan di bibir, dalam ingatan, dalam tulsian dan upacara harian, tanpa pantun manusia Nusantara ini menjadi lebih miskin, lebih kaku dan bisu. Dengannya dia meningkat menjadi ahli falsafah, perenung alam raya, penggubal hukum, ahli agama dan kekasih yang sedang asyik bercumbu, penyanyi yang menarik nasib dan anak yang sedang bermain di padang.'

Pantun menjadi simbol, ekspresi rasa hati serta pemikiran orang-orang Melayu yang mengandungi nilai-nilai murni, agama, adat, sosial serta budi pekerti. Untuk mengenali pantun secara holistik, kita harus mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu antropologis bagi membantu mentafsir dan memahami genre pantun yang banyak mempengaruhi peradapan masyarakat. Melalui ungkapan pantun juga, dapat menzhahirkan kebijaksanaan individu dalam menyampaikan ilmu dan pembelajaran kepada generasi penerus.

Kebiasaanya, pantun yang tercipta adalah melalui inspirasi yang diperolehi dari alam sekeliling kehidupannya kerana pantun adalah genre asli dan unik, yang menjadi sumber khazanah

kehidupan masyarakat Nusantara baik dari segi pemikiran dan nilai-nilai moralnya.

Pantun dianggap sebagai refleksi kepada akal budi dalam melihat kebijaksanaan orang-orang Nusantara membentuk kalimat dan makna yang indah, seperti yang dikatakan oleh Muhammad Haji Salleh kutipan Noriah Taslim dalam kertas kerja Mahyudin Al Mudra. *Revitalisasi Pantun Melayu: Memangku Tradisi Menjemput Zaman*. 'Melihat masa kini kita juga harus berusaha membentuk masa hadapan dengan nilai-nilai yang terkandung dalam pantun yang sarat dengan kebijaksanaan orang-orang kita bukan saja Melayu malah pelusuk Nusantara. Keperluan untuk menyegarkan pantun adalah upaya memartabat jatidiri kita yang hidup di dalam lingkungan kepulauan Melayu. Gunakanlah kebijaksanaan yang terdapat dalam pantun bagi merealisasikan hasrat penggemar dan perantisan budaya untuk mencapai kecemerlangan budaya bangsa. Pantun-pantun yang diperdengarkan melalui teks-teks ucapan haruslah memiliki roh dan wajah yang dapat menggambarkan keintelektual kita yang menzhahirkannya. Bukan sekadar pelengkap kepada sebuah acara dan hiburan.'


Kalau kayu hendak berbuah
Daunnya jangan dicencang-cencang
Kalau Melayu hendak bertuah
Pantun jangan dibuang-buang

Wahai ananda cahaya mata
Orang berpantun jangan dikata
Didalamnya ada intan permata
Jikalau faham jadi mahkota

Tenas Effendy

Oleh: **ISMAIL HAMDAN**
Bahagian Pembagunan
Seni Budaya

TERBITAN
BARU




#MYSENBUDAYA
MALAYSIA



www.jkkn.gov.my

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan
Tingkat 30, Menara TH Perdana, Lot 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
Tel: 03 2614 8200/8239 Faks: 03 2697 1066/1067

TERBITAN
BARU












#MYSENIBUDAYA
MALAYSIA



www.jkkn.gov.my

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan
Tingkat 30, Menara T11 Persekutuan, Lot 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
Tel : 03 2614 8200/8239 Faks : 03 2697 1066/1067



BIL	TAJUK	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI BELIAN
1.	1000 Pantun Dondang Sayang	20.00	
2.	Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu	14.00	
3.	Adat Resam Masyarakat Malaysia	18.00	
4.	Alam Terbentang Menjadi Guru	20.00	
5.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan	8.50	
6.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah	8.50	
7.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia	13.50	
8.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung	15.00	
9.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)	43.00	
10.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)	35.00	
11.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre	35.00	
12.	Bahasa Dijajaran Masa	15.00	
13.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis	25.00	
14.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)	20.00	
15.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)	20.00	
16.	Plural Culture & Society in Malaysia	12.00	
17.	Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid II)	20.00	
18.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)	20.00	
19.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III)	20.00	
20.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani	12.00	
21.	Dondang Sayang Tradisi Negeri Melaka	10.00	
22.	Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya	35.00	
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	18.00	
30.	Kanjat	25.00	
31.	Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor	20.00	
32.	Malaysian Customs & Traditions	28.00	
33.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal)	20.00	
34.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis)	17.00	
35.	Lirikan Lirik	30.00	
36.	Malaysian Culture (Kulit Tebal)	20.00	
37.	Malaysian Culture (Kulit Nipis)	17.00	
38.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara	23.00	
39.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman	35.00	
40.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)	33.00	
41.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang	10.00	
42.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita	15.00	
43.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang	12.00	
44.	Pantun Warisan Rakyat	15.00	
45.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan	16.50	
46.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kulit Tebal)	35.00	
47.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kulit Nipis)	30.00	
48.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia	32.00	
49.	Resepi Nasi 100	30.00	
50.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarina Perlis	8.50	
51.	Seri Terengganu	25.00	
52.	Seniman Negara Ke-7 Datuk (Dr) Ahmad Nawab	45.00	
53.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	48.00	
54.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	48.00	
55.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus	10.00	
56.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kompang Jawa	15.00	
57.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)	42.00	
64.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu	15.00	
65.	Monografi Seni Budaya Bil. 1	30.00	
66.	Monografi Seni Budaya Bil. 2	25.00	
67.	Busana Tarian-tarian Malaysia (Kulit Tebal)	44.00	
68.	Busana Tarian-tarian Malaysia (Kulit Nipis)	33.00	
69.	Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun	34.00	
70.	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia	27.00	
71.	Seni Berbari	34.00	
72.	Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat	33.00	
73.	Malaysian Weddings	28.00	

Senarai Penerbitan JKKN

KATEGORI CD/DVD



BIL	TAJUK	KATEGORI	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI BELIAN
1.	Bangsawan 5 Bersaudara	DVD	20.00	
2.	Bangsawan Celorong Cheloreng	DVD	20.00	
3.	Festival Tari Kebangsaan 2009	DVD	20.00	
4.	Gerak	DVD	10.00	
5.	Inspitani 2010	DVD	20.00	
6.	Inspitani 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD	30.00	
7.	Inspitani 2012	DVD	20.00	
8.	Inspitani 2013	DVD	26.00	
9.	Konsert Dir. Koir Kebangsaan Malaysia	DVD	10.00	
10.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	15.00	
11.	Senam 1 Malaysia (Baru)	DVD	10.00	
12.	Senam Seni (Lama)	DVD	10.00	
13.	No Wrong Notes	DVD	10.00	
14.	Konsert Koir Kebangsaan - Kembara Muzikal Teater & Filem	DVD	20.00	
15.	Dodoi Si Manja	VCD	10.00	
16.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	10.00	
17.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD	10.00	
18.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	VCD	10.00	
19.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	10.00	
20.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	10.00	
21.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	10.00	
22.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	10.00	
23.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	10.00	
24.	Semangat Merdeka	VCD	10.00	
25.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD	10.00	
26.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolak	VCD	10.00	
27.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Mek Mulung	VCD	10.00	
28.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	10.00	
29.	Tunas Budaya	VCD	10.00	
30.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	10.00	
31.	Gasing Malaysia	VCD	10.00	
32.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	15.00	
33.	Dendangan Indera Kayangan	CD	10.00	
34.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	10.00	
35.	Folk Tunes of Malaysia / Irama Lagu-Lagu Rakyat Malaysia	CD	10.00	
36.	Irama Asli (Minus One)	CD	20.00	
37.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	20.00	
38.	Keroncong	CD	10.00	
39.	Lagu-Lagu Bongai	CD	10.00	
40.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	10.00	
41.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	10.00	
42.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia (Zainal Abidin)	CD	10.00	
43.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	CD	10.00	
44.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	10.00	
45.	Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	10.00	
46.	Prosa Tradisional	CD	13.00	
47.	Lagu Rakyat (Versi Baru)	CD	11.00	
48.	Konsert Koir Kebangsaan - 'Voices Of Harmony'	CD	20.00	
49.	Lagu Rakyat Zainal Abidin	CD	10.00	



JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
ARAS 16,18,19,26,27,30 DAN 34
LOT 1001, MENARA TH PERDANA
JALAN SULTAN ISMAIL
50250 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2614 8200
Faks : 03-2697 0884

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perlis,
Kompleks JKKN Perlis,
Persiaran Wawasan Kangar,
01000 Kangar,
PERLIS INDERA KAYANGAN,
No. Tel : 04 - 979 3604
No. Faks : 04 - 977 0117

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kedah,
Kompleks JKKN Kedah,
Lot PTD 400,
05250 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN,
No. Tel : 04 - 731 5930
No. Faks : 04 - 733 8128

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang,
Kompleks JKKN Pulau Pinang,
Kompleks Pusaka Warisan Seni,
Lot no. 2180 Jalan Rawang,
Off Jalan P. Ramlee,
10460 PULAU PINANG
No. Tel : 04 - 281 7791/7792
No. Faks : 04 - 281 7781

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perak,
Kompleks JKKN Perak,
Lot 20561 @ 20565,
Jalan Cardwell, Off Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN
No. Tel : 05 - 253 7001
No. Faks : 05 - 241 7017

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Selangor,
Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791
No. Faks : 03 - 5510 2839

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan,
Kompleks JKKN WPKL,
Jalan Tun H.S Lee,
50000 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03 - 2072 6431/6779
No. Faks : 03 - 2070 4064

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan,
Kompleks JKKN Negeri Sembilan,
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
No. Tel : 06 - 767 6793/763 6308
No. Faks : 06 - 763 4417

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Melaka,
Kompleks JKKN Melaka,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 MELAKA
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787
No. Faks : 06 - 233 1784

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor,
Aras 6 Kiri, Wisma PERKESO,
No 26, Jalan Susur 5,
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,
80200 Johor Bahru,
JOHOR DARUL TAKZIM
No. Tel : 07 - 224 8270/223 1249
No. Faks : 07 - 223 9413

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pahang,
Kompleks JKKN Pahang,
Lot 57100, Jalan Tok Sisek,
25000 Kuantan,
PAHANG DARUL MAKMUR
No. Tel : 09 - 517 8466
No. Faks : 09 - 517 9466

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Terengganu,
Kompleks JKKN Terengganu,
Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu,
TERENGGANU DARUL IMAN
No. Tel : 09 - 617 8831
No. Faks : 09 - 617 8832

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan,
Lot 1993, Seksyen 49, Tanjung Chat,
15200 Kota Bharu,
KELANTAN DARUL NAIM
No. Tel : 09 - 741 7000
No. Faks : 09 - 741 7004

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sarawak,
Tingkat 5 Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93000 Kuching,
SARAWAK
No. Tel : 082 - 422 006/423 106
No. Faks : 082 - 244 394

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sabah,
Kompleks JKKN Sabah,
Km 4 Jalan Penampang,
88200 Kota Kinabalu,
SABAH
No. Tel : 088 - 237052/051
No. Faks : 088 - 242 052

CITRA BUDAYA

CITRA BUDAYA JKKN merupakan penerbitan yang berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat kepada masyarakat dalam usaha merealisasikan penyemarakkan dan pemeliharaan Seni Budaya. Ia diterbitkan tiga (3) kali setahun.

Sidang editorial **CITRA BUDAYA JKKN** sangat mengalu-alukan sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen dan sebagainya.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada :
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,
Aras 30 Menara TH Perdana,
No.1001 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Email : penerbitan@jkkn.gov.my



Som Kunjungi & buat rujukan



**PENYELIDIK SENI BUDAYA,
PELAJAR IPTA/IPTS,
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH & RENDAH,
ORANG PERSEORANGAN
dialu-alukan**

Sumber Rujukan Utama : Seni & Budaya

**PUSAT SUMBER SENI BUDAYA
ARAS 30, MENARA TH PERDANA,
LOT 1001, JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR**

**ISNIN - KHAMIS
8.00 PG - 4.00 PTG**

**JUMAAT
8.00 PG - 12.15T/HARI
2.45 PTG - 4.00 PTG**

☎ 03-2614 8245 / 8259

☎ 03-2697 1066

✉ library.jkkn@gmail.com